



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 Jld 3 ( ) 08/01

**TEMPAHAN RUANG PAMERAN LIMA '19 MELEBIHI JANGKAAN**

Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA '19) yang akan berlangsung di Pulau Langkawi pada 26 hingga 30 Mac ini telah menerima sambutan memberangsangkan. Setakat hari ini, peratusan tempahan ruang pameran telah menjangkau **104%** dengan jumlah keseluruhan tempahan ruang pameran seluas **10,519 meter persegi** terdiri daripada **350** buah syarikat pempamer tempatan dan antarabangsa yang melibatkan **29** buah negara.

Selain itu, LIMA '19 turut menerima penyertaan **12 Pavilion Negara** iaitu Australia, Belarus, China, Perancis, Jerman, Jepun, Rusia, Slovakia, Turki, Ukraine, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Penyertaan ini membuktikan minat dan keyakinan tinggi syarikat-syarikat industri pertahanan untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi mengukuhkan kerjasama dengan industri sedia ada dan juga menarik lebih ramai pemain industri antarabangsa.

Buat julung kalinya, LIMA '19 tahun ini yang juga edisi ke-15 dalam sejarah penganjurannya, akan dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan dengan tema "**Defence and Commercial Connecting Intelligence**". Kerjasama kedua-dua kementerian pada LIMA '19 kali ini adalah bagi membuka lebih banyak ruang penyertaan sektor komersial dan pada masa yang sama memperkukuh segmen pertahanan aeroangkasa dan maritim sedia ada.

Istimewa pada penganjuran kali ini, LIMA '19 akan dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia yang merupakan pencetus kepada penganjuran pertama pameran berprestij ini pada tahun 1991, sewaktu beliau sebagai Perdana Menteri ke-4 ketika itu.

Pameran akan melibatkan dua lokasi utama iaitu Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) bagi pameran, persidangan antarabangsa, seminar, pameran statik dan pertunjukan udara, manakala Resort World Langkawi (RWL) bagi pameran kapal perang, pameran statik maritim dan demonstrasi maritim. Pameran di MIEC dibuka kepada pelawat awam pada 29 dan 30 Mac manakala pameran segmen maritim di RWL dibuka kepada semua dari 26 hingga 30 Mac 2019.

Seperti edisi-edisi terdahulu, penganjuran LIMA menunjukkan kejayaan Malaysia dalam menganjurkan pameran bertaraf antarabangsa setanding dengan penganjuran pameran pertahanan dunia yang lain.

-Tamat-

**"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**